

27

KPUn: LPKP/20/656/1 Jld.1/(2)



KERAJAAN MALAYSIA



LPKP

**PEKELILING LEMBAGA PELESENAN
KENDERAAN PERDAGANGAN
BIL. 4 TAHUN 2003**

**PENETAPAN JANGKA HAYAT KENDERAAN
PERKHIDMATAN AWAM**

**LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN
SEMENANJUNG MALAYSIA**

TARIKH : 16 OKTOBER 2003

**Pekeliling
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan**

**Semua Persatuan Bas Berhenti-henti
Semua Persatuan Bas Ekspres
Semua Persatuan Bas Pekerja
Semua Persatuan Kereta Sewa**

**PENETAPAN JANGKA HAYAT
KENDERAAN PERKHIDMATAN AWAM**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk menyeragamkan dan digunapakai oleh setiap Pejabat Cawangan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Wilayah dalam menentukan jangka hayat kenderaan perkhidmatan awam semasa pengeluaran lesen dan penentuan tempoh kuat kuasa lesen.

LATAR BELAKANG

2. Mesyuarat Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Bil. 11/2003 pada 08 Oktober 2003 telah membuat keputusan untuk menentukan jangka hayat kenderaan perkhidmatan awam dalam usaha memastikan tahap kesempurnaan dan keselamatan kenderaan perkhidmatan awam diutamakan.

KEPUTUSAN

3. Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) telah menetapkan had jangka hayat kenderaan pengangkutan awam seperti berikut :-


- 3.1. Sehingga 7 tahun untuk kenderaan yang menjalankan perkhidmatan teksi;
 - 3.2. Sehingga 10 tahun untuk kenderaan yang menjalankan perkhidmatan bas ekspres;
 - 3.3. Sehingga 15 tahun untuk kenderaan yang menjalankan perkhidmatan bas berhenti-henti, bas mini, bas pengantara, bas sekolah dan bas pekerja; dan
 - 3.4. Sehingga 15 tahun untuk kenderaan yang menjalankan perkhidmatan kereta sewa.
4. Kenderaan yang telah melebihi had jangka hayat seperti di para 3.1, 3.2, 3.3 dan 3.4, lanjutan tempoh penggunaan hanya boleh dipertimbangkan setelah kenderaan tersebut diperiksa dengan teliti dan menyeluruh dan apabila disyorkan untuk lanjutan tempoh baik oleh pihak JPJ atau pun PUSPAKOM. Dengan ini tahap kesempurnaan dan keselamatan dapat diberikan penekanan dan ini akan memudahkan pihak LPKP untuk memberikan pertimbangan sama ada kenderaan-kenderaan tersebut boleh diberikan lanjutan tempoh lesen atau sebaliknya.
 5. LPKP telah menetapkan penggunaan kenderaan-kenderaan terpakai bagi pendaftaran **lesen baru** atau **ganti kenderaan** adalah dibenarkan dengan syarat kenderaan **berkenaan tidak melebihi 7 tahun dari tarikh ia didaftarkan**.
 6. Tempoh lesen berkuat kuasa bagi kenderaan-kenderaan terpakai adalah mengikut baki tempoh jangka hayat kenderaan yang telah ditetapkan seperti yang dinyatakan dalam para 3.1, 3.2, 3.3 dan 3.4.

PEMAKAIAN

7. Selaras dengan dasar yang telah ditetapkan ini, semua Pejabat Cawangan LPKP dikehendaki mengikuti garis panduan dan prosedur semasa pengeluaran lesen dan penentuan tempoh lesen.

TARIKH KUAT KUASA

8. Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.



(**ABDUL HAI BIN HAJI ZAWAWI**)

Setiausaha

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan
Kementerian Pembangunan Usahawan
Malaysia.

S.K. :

Y. Bhg. Datuk KSU

Y.B.M Dato' Pengerusi LPKP

TKSU (P)

Dim.C/Pekeliling/hs